




SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENINGKATAN 48% KEPADA RM80.5 BILION DALAM PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) YANG DILULUSKAN UNTUK TAHUN 2018 SERTA KENAIKAN 3.2% DALAM INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP) UNTUK BULAN JANUARI 2019 ADALAH SELARAS DENGAN ANGKA-ANGKA LAIN YANG MEMPERLIHATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA YANG MEMBERANGSANGKAN



Malaysia sedang menikmati perkembangan ekonomi yang memberangsangkan dan ini dapat dibuktikan dengan peningkatan Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan untuk semua sektor. FDI yang diluluskan naik setinggi 48% kepada RM80.5 Bilion bagi tahun 2018. Angka ini merupakan sebuah penunjuk pelopor penting bagi membantu orang ramai memahami kecenderungan keadaan ekonomi negara.

Pertumbuhan FDI yang diluluskan ini ditambah dengan kenaikan 3.2% dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) untuk bulan Januari 2019. Pertumbuhan pengeluaran perindustrian ini adalah lebih baik berbanding dengan konsensus pasaran 2.3% seperti yang dikumpulkan oleh Bloomberg. Perkembangan ini adalah selaras dengan angka-angka positif yang dicatatkan oleh Malaysia dan kecenderungan positif ini dijangka akan berterusan walaupun negara berhadapan dengan cabaran luaran.

Kepimpinan yang jelas dan bersih yang disediakan Kerajaan dalam membimbing ekonomi negara telah membantu meningkatkan FDI yang diluluskan sepanjang tahun lepas. Untuk separuh tahun pertama 2018, FDI yang diluluskan bagi semua sektor adalah hanya RM26.5 Bilion. Namun demikian, nilai itu meningkat dengan mendadak kepada RM54.0 Bilion pada separuh tahun kedua (lihat Jadual 1)

Jadual 1: FDI Yang Diluluskan Untuk 2018

Tempoh	FDI Yang Diluluskan Untuk Semua Sektor
Separuh tahun pertama 2018	RM26.5 Bilion
Separuh tahun kedua 2018	RM54.0 Bilion
Jumlah untuk 2018	RM80.5 Bilion

Peningkatan ketara ini juga memperlihatkan peranan penting yang dimainkan Malaysia sebagai sebuah hub pembuatan bagi rantau ini dan juga ruang selamat (safe haven) untuk rantai bekalan antarabangsa ketika perang dagang antara Amerika Syarikat dan China berlanjutan. Malah, jumlah FDI pembuatan yang diluluskan daripada China telah meningkat kepada RM19.7 Bilion pada tahun 2018, iaitu satu peningkatan 410.8% atau RM15.8 Bilion daripada RM3.9 Bilion pada tahun 2017. Pada masa yang sama, FDI daripada Amerika Syarikat naik 184.9% atau sebanyak RM2.1 Bilion kepada RM3.2 Bilion pada tahun lepas berbanding RM1.1 Bilion pada tahun 2018.

Tetapi bukan Amerika Syarikat dan China sahaja yang sedang mempertingkatkan pelaburan mereka. Pelabur-pelabur Indonesia akan melabur sebanyak RM9.0 Bilion dalam bidang pembuatan dan ini merupakan peningkatan yang drastik memandangkan pada tahun 2017, pelaburan yang diluluskan daripada Indonesia adalah RM0.5 Juta sahaja. Ini menjadikan Indonesia sebagai sumber FDI kedua yang terbesar selepas China untuk tahun lepas.

Pihak Kerajaan akan meneruskan agenda pembaharuannya bagi meningkatkan kualiti pertumbuhan dan memastikan supaya hasil pembangunan negara dapat dinikmati bersama oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
16 Mac 2019

Like Be the first of your friends to like this.